

PN perlu segerakan pelantikan pengerusi untuk terus bergerak

- Kritikan terhadap kepimpinan Ahmad Samsuri tidak wajar digerakkan atas dasar kebimbangan peribadi atau trauma sejarah pilihan raya semata-mata, lebih-lebih lagi apabila ia cuba dipersembahkan sebagai analisis statistik

- Apa lebih penting ialah PAS perlu segera bertindak untuk mencalonkan pengerusi baharu dalam kalangan pimpinan mereka dan terus bergerak pantas untuk menyusun semula gerak kerja sebelum PRU16

Oleh Dr Nur Ayuni Mohd Isa
bhrencana@bh.com.my

Saya memandang tinggi kenyataan Pensyarah Sains Politik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Datuk Dr Marzuki Mohamad, yang juga bekas Ketua Setiausaha Sulit Tan Sri Muhyiddin Yassin, bahawa PAS wajar menerajui Perikatan Nasional (PN).

Pandangan ini konsisten dengan prinsip asas sesebuah gabungan politik, iaitu parti paling dominan dari segi jentera, keahlian serta prestasi kemenangan pilihan raya lazimnya diberikan peranan memimpin demi menjamin kestabilan dalaman dan kejelasan arah tuju gabungan.

Dalam konteks PAS sendiri, realitinya majoriti pimpinan dan ahli melihat Naib Presiden PAS merangkap Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar sebagai tokoh paling sesuai untuk mengetuai PN selaku Pengerusi, susulan peletakan jawatan Muhyiddin.

Namun, wacana ini menjadi lebih bermasalah apabila ia dibenturkan dengan kenyataan seorang pemimpin PAS kawasan, Zaharudin Muhammad, yang mendakwa PAS akan kehilangan 37 kerusi Parlimen sekiranya Ahmad Samsuri dilantik sebagai Pengerusi PN.

Masalah utamanya ialah dakwaan itu dibuat berasaskan apa yang disebut sebagai 'data dalaman', namun tanpa sebarang pendedahan asas metodologi. Dalam analisis politik berdisiplin, dakwaan berasaskan data tanpa penjelasan mengenai masa pengambilan data, saiz dan profil responden, kaedah persampelan serta indikator pengukuran tidak boleh diterima sebagai hujah yang sahih dan bertanggungjawab.

Lebih bermasalah, dakwaan kehilangan 37 kerusi ini bercanggah secara langsung dengan dapatan kajian bebas dan terbuka seperti kajian oleh Institut Masa Depan Malaysia (MASA), yang menunjukkan populariti Ahmad Samsuri sebagai

calon Perdana Menteri adalah yang tertinggi dalam PN selepas Muhyiddin, khususnya dalam kalangan pengundi Melayu.

Dalam konteks calon Perdana Menteri pasca-Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16), Muhyiddin masih mendahului dengan sokongan sekitar 46 peratus, manakala Ahmad Samsuri berada di tempat kedua dengan 29 peratus.

Potensi pertumbuhan sokongan besar

Kedudukan ini amat signifikan secara strategik, memandangkan Ahmad Samsuri tidak berada dalam struktur kepemimpinan nasional PN. Ini menunjukkan potensi pertumbuhan sokongan besar sekiranya berlaku peralihan kepemimpinan.

Oleh itu, kritikan terhadap kepimpinan Ahmad Samsuri tidak wajar digerakkan atas dasar kebimbangan peribadi atau trauma sejarah pilihan raya semata-mata, lebih-lebih lagi apabila ia cuba dipersembahkan sebagai analisis statistik.

Dari sudut empirikal, rekod kepemimpinan Ahmad Samsuri di Terengganu adalah luar biasa dan tidak pernah berlaku sebelum ini. Pada PRU15, PN memenangi semua lapan kerusi Parlimen, manakala dalam PRN 2023, PN menyapu bersih 32 kerusi DUN, menjadikan keputusan 40-0 di peringkat Parlimen dan negeri.

Terengganu kini menjadi satu-satunya negeri dalam sejarah politik Malaysia dimenangi secara mutlak oleh satu gabungan politik. Tahap kepercayaan rakyat ini tidak lahir daripada retorik, tetapi daripada keberkesanan tadbir urus dan kewibawaan kepemimpinan.

Jawatan Pengerusi PN menuntut kebolehan menyelaraskan parti komponen, iaitu PAS, BERSATU, GERAKAN dan Parti Rakyat India Malaysia (MIPP), bukan mendominasi mereka. Dalam konteks ini, Ahmad Samsuri dilihat sebagai tokoh sederhana, profesional, tidak konfrontasional dan berorientasikan tadbir urus, menjadikannya lebih mudah diterima rentas parti tanpa mencetuskan ketegangan dalaman.

Selain itu, imej beliau yang bersih, profesional dan berorientasikan tadbir urus memperkuat naratif PN sebagai gabungan stabil serta berdaya saing untuk memerintah, bukan sekadar pembangkang. Ini amat penting untuk menambat sokongan pengundi pertengahan serta kelompok muda yang semakin kritikal terhadap kualiti kepemimpinan.

Sejarah PRU13 membabitkan dinamika pertandingan PAS-DAP-MCA di kawasan majoriti Melayu sederhana tidak boleh disalin terus ke konteks PN hari ini tanpa mengambil kira perubahan landskap politik, corak pengundian Melayu pasca-PRU14 serta realiti PN sebagai gabungan nasional, bukan parti bersendirian.

Malah, jika logik 'kerusi akan hilang kerana imej tertentu' diterima tanpa data kukuh, maka tidak mustahil nanti akan muncul pula dakwaan bahawa tokoh lain dari PAS seperti Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man atau Datuk Idris Ahmad pula akan menyebabkan PN kehilangan 40 kerusi atas alasan kegagalan menarik undi bukan Melayu. Ini bukan analisis sebaliknya ini adalah permainan persepsi semata-mata.

Biasanya tradisi pimpinan dan ahli PAS adalah untuk tidak membincangkan apa lagi menyerang secara terbuka mana-mana pimpinan, sebaliknya ia bergerak atas dasar keputusan syura dan apabila sudah dipersetujui maka semua pihak akan wala' kepadanya.

Kenyataan tanpa bukti bukan data ilmiah

Tiada masalah untuk sesiapa pun menjadi Pengerusi PN daripada PAS namun kenyataan tanpa bukti tidak boleh dianggap data ilmiah dan akademik. Jika standard ini diterima maka sesiapa pun boleh mengemukakan apa-apa angka untuk menyokong naratif peribadi masing-masing.

Apa lebih penting ialah PAS perlu segera bertindak untuk mencalonkan pengerusi baharu dalam kalangan pimpinan mereka dan terus bergerak pantas untuk menyusun semula gerak kerja sebelum PRU16.

Sesiapa pun dicalonkan PAS, sama ada Tuan Ibrahim, Ahmad Samsuri atau Idris, malah Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang sekalipun, masing-masing mempunyai kelebihan dan berpeluang cerah untuk membawa PN memenangi PRU16.

Cuma, seandainya Abdul Hadi dan Tuan Ibrahim menolak pencalonan, Ahmad Samsuri mempunyai sedikit kelebihan sekiranya pengundi inginkan calon profesional baharu untuk memimpin negara pasca-PRU16.

Gabungan kemenangan mutlak 40-0, kebolehan menyatukan parti komponen serta kesesuaian dengan tuntutan kepemimpinan generasi baharu menjadikan beliau antara calon paling berwibawa dan rasional untuk memimpin PN dalam fasa politik negara yang akan datang sekiranya PN memilih untuk bergerak berasaskan fakta.

Dalam pada itu, parti komponen PN perlu segera mengesahkan peletakan jawatan Muhyiddin tanpa apa-apa politik lagi dan meluluskan lantikan baharu daripada kalangan pimpinan dicalonkan PAS agar PN dapat segera bergerak ke hadapan.



Pensyarah Kanan
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

